

# 25

## Penerapan E-Pedagogi Dalam Pengajaran Pembezaan Bagi Meningkatkan Kemahiran Pemahaman

CHIJ Katong Convent



**Norazian Mohamed Yahya**

[norazian\\_mohamed\\_yahya@schools.gov.sg](mailto:norazian_mohamed_yahya@schools.gov.sg)



**Hannah Nadhirah Lokman**

[hannah\\_nadhirah\\_lokman@schools.gov.sg](mailto:hannah_nadhirah_lokman@schools.gov.sg)

## Abstrak

Kerencaman profil pelajar dan tahap keupayaan yang pelbagai sering kali dijadikan alasan bagi para guru ketika merancang pengajaran yang menarik, mencabar dan bermakna. Akibatnya, pembelajaran di dalam kelas kadangkala bersifat sehalu, membosankan dan kurang interaksi. Para pelajar pula kurang bermotivasi untuk mengikuti sesi pengajaran apabila mendapati tugas yang diberi terlalu mencabar atau sukar untuk difahami. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk menilai keberkesanan penggunaan e-Pedagogi dalam pengajaran pembezaan bagi meningkatkan kemahiran pelajar Menengah 3 Ekspres dan 3 Normal Akademik dalam kemahiran kefahaman membaca. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengalaman pengajaran dan pembelajaran berasaskan e-Pedagogi dapat meningkatkan minat pelajar, malah mendorong mereka untuk mencuba dan bersikap proaktif dalam pembelajaran mereka.

Kata kunci: e-Pedagogi, pengajaran pembezaan, kemahiran pemahaman



## PENGENALAN

Sejak kebelakangan ini, terdapat penekanan yang lebih besar pada penggunaan e-Pedagogi terutama sekali ekoran pandemik COVID-19 yang telah memaksa para guru untuk mengubah dan menyesuaikan cara pengajaran dan pembelajaran (PdP) dijalankan. Perubahan ini telah membuka peluang kepada para guru untuk terus menambah pengetahuan dan kemahiran pedagogi agar dapat mengajar dengan menggunakan teknologi bagi mempertingkatkan pembelajaran para pelajar. Dengan menerapkan ICT dalam pengajaran, para guru terpanggil untuk menggabungkan kesediaan, minat dan profil pembelajaran pelajar bagi memaksimumkan PdP di dalam kelas.

Justeru, kajian ini menerapkan penggunaan e-Pedagogi dalam pengajaran pembezaan bagi meningkatkan kemahiran pemahaman para pelajar. Secara tidak langsung, para pengkaji mencuba untuk memanfaatkan kemahiran teknologi digital para pelajar agar ia dapat disesuaikan dalam pembelajaran mereka. Dapatan kajian amat berguna dalam memandu para pelajar untuk mengaplikasikan set kemahiran yang sesuai ketika menjawab soalan kefahaman.

## PERNYATAAN MASALAH

Sekolah-sekolah di Singapura kini berdepan dengan cabaran pelaksanaan skim Pengumpulan Berdasarkan Subjek Secara Penuh (FSBB). Setiap kelas kini merangkumi profil pelajar yang lebih pelbagai dan tahap keupayaan yang beragam. Para guru perlu bersedia untuk mengajar pelajar yang berlainan keupayaan dan gaya pembelajaran yang pelbagai.

Di CHIJ Katong Convent, profil pelajar yang beragam ini menyebabkan berlakunya jurang pembelajaran di bilik darjah. Satu cabaran yang seringkali dihadapi guru semasa merancang pengajaran adalah untuk membina tugas yang menarik, mencabar dan juga dapat meningkatkan pembelajaran bagi setiap pelajar. Ada segelintir pelajar yang mungkin mendapati tugas yang guru berikan terlalu sukar dan tidak membantu dalam proses pembelajaran mereka. Namun, ada juga pelajar yang mendapati tugas yang diberikan terlalu mudah dan tidak menambah nilai bagi pemahaman mereka. Salah satu keterbatasan yang ada ialah jangka masa kurikulum terutama sekali untuk kelas yang mempunyai jumlah pelajar yang besar. Dalam situasi sebegini, motivasi mereka seringkali akan terjejas. Justeru, cabaran ini telah mendorong

guru untuk meneroka penggunaan e-Pedagogi dalam pengajaran pembezaan bagi meningkatkan kemahiran pelajar dalam kemahiran pemahaman.

## TUJUAN KAJIAN


Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk:

1. menerapkan penggunaan pengajaran pembezaan dalam mempertingkatkan kebolehan pelajar dalam menjawab soalan kefahaman; dan
2. menilai keberkesanan penggunaan e-Pedagogi dalam memupuk sikap pelajar dalam pembelajaran sendiri untuk mencapai tahap kemahiran yang diinginkan.

## KAJIAN LEPAS

Oleh sebab sistem pendidikan di Singapura menuju ke arah berpusatkan pelajar, terdapat peningkatan minat terhadap Pengajaran Pembezaan untuk menangani kesediaan, minat dan profil pembelajaran pelajar di dalam kelas yang lebih rencam. Lantas, pembelajaran teradun adalah penting dan harus melibatkan gabungan pengajaran tradisional dan teknologi untuk memenuhi gaya pembelajaran pilihan pelajar, di samping pemberian sokongan dan galakan daripada para guru. Ini disokong oleh Tomlinson (2014) yang berpendapat bahawa Pengajaran Pembezaan memberikan tumpuan tentang pengajaran dan pembelajaran, dan tindak balas guru terhadap keperluan pelajar berpandukan prinsip menghormati tugas, pembentukan kumpulan yang fleksibel, penilaian berterusan dan kurikulum yang berkualiti. Pengajaran Pembezaan boleh dilakukan dalam konteks kandungan, proses, produk atau persekitaran bergantung pada kesediaan pelajar, minat dan profil pembelajaran dengan menggunakan strategi PdP yang pelbagai.

Menurut Hung dkk (2004), teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) merupakan pemandu utama yang dapat memperbaiki pedagogi bagi generasi pelajar yang baharu. Tambahan lagi, ICT menyediakan wadah yang dapat mendalamkan dinamika hubungan guru-pelajar dan pelajar-pelajar. Menariknya, kumpulan pengkaji turut menyentuh perihal peluang dan pemberdayaan yang diberikan kepada para pelajar untuk memberikan penjelasan mengenai tindakan dan pengalaman mereka dalam bentuk multimod, lantas melampaui pena dan kertas. Maka, galakan untuk para pelajar meneroka hasil pembelajaran dalam



bentuk audio, video, infografik dan lain-lain lagi, menjadi satu lingkungan kajian yang berpotensi untuk dikerjakan dalam masa yang mendatang. Malah, di sinilah pedagogi yang berperantarakan ICT memainkan peranan yang penting dalam proses pelajar meraih pengalaman yang bermakna dalam proses pembelajaran mereka.

Selain itu, kajian Chai, Koh dan Tsai (2010) menekankan kemampuan ICT untuk melibat dan membangun pemahaman pelajar dengan lebih berkesan. Pedagogi yang memanfaatkan teknologi berupaya untuk memberikan huraian yang kreatif terhadap keperluan pembelajaran pelajar. Dalam kelas pemahaman, teks boleh diimbas menjadi bentuk digital dan kemudiannya boleh dijadikan fail yang dikerjakan bersama oleh guru dan pelajar. Aktiviti menganotasi merupakan aktiviti penting yang dilakukan bersama oleh guru dan pelajar untuk menggali makna yang ada dalam teks sebelum para pelajar boleh menjawab soalan-soalan kefahaman yang disediakan. Tambahan lagi, para pelajar juga boleh didorong untuk mengakses pelbagai jenis teks untuk pembelajaran melalui alat-alat teknologi mereka. Maka, dengan memanfaatkan pemberian alat pembelajaran peribadi (PLD), para pelajar dijangkakan dapat belajar dengan lebih berdikari, terlibat dan berkesan.

Kajian Kostaris et.al (2017) mengetengahkan keberkesanan beberapa pendekatan dalam e-Pedagogi yang berpotensi untuk mempertingkatkan pengajaran guru dan pengalaman pembelajaran para pelajar. Penerapan e-Pedagogi dikatakan merupakan satu langkah logikal dalam pendidikan memandangkan para guru dapat memanfaatkan kecekapan teknologi para pelajar yang dianggap sebagai peribumi digital pada era ini. Tambahan, dapatan kajian turut mengutarakan keberkesanan penerapan pendekatan e-Pedagogi dalam mencapai hasil pembelajaran para pelajar yang bukan hanya bersifat kognitif, malah juga meningkatkan daya motivasi dan tahap penglibatan mereka semasa sesi pengajaran dijalankan.

## KAEDAH KAJIAN

Kajian yang dilaksanakan secara berperingkat ini berbentuk eksperimental. Ia menggunakan kaedah pemerhatian dan pemberian maklum balas. Kajian ini juga menerapkan elemen Amalan Pengajaran Singapura (STP) yang memberikan tumpuan pada dua proses pengajaran, iaitu pelaksanaan pelajaran dan penilaian serta maklum balas.


Perancangan pedagogi berasaskan portal SLS dan yang memanfaatkan STP untuk membimbing para guru dalam mereka bentuk pengalaman pembelajaran berasaskan ICT dibina bagi memenuhi para pelajar. Dengan merujuk pada elemen STP, peta reka bentuk berasaskan portal SLS digunakan selari apabila melakarkan rancangan pelajaran. Sila rujuk Jadual 1 dan Jadual 2 bagi penerangan yang lebih terperinci.

**Jadual 1: Penerapan Amalan Pengajaran Singapura**

Proses Pengajaran	Aspek Pengajaran	Aktiviti Mengajar
Pelaksanaan Pelajaran	AP13: Mengaktifkan Pengetahuan Sedia Ada	AM2: KWL - Tahu, Mahu Tahu, Telah Pelajari Pelajar menjawab komponen 'Tahu' dan 'Mahu Tahu' sebelum pengajaran dimulakan berdasarkan tema pengajaran. Ini dilakukan untuk mencungkil pengetahuan sedia ada pelajar tentang topik yang akan dibincangkan. Pada akhir pengajaran, pelajar menjawab komponen terakhir 'Telah Pelajari'.
	AP14: Merangsang Minat	AM1: Menggunakan Cerita dan Imejan Guru menunjukkan video dan menggunakan artikel untuk mencetus minat dan pengetahuan sedia ada pelajar tentang topik.
	AP15: Menggalakkan Pelibatan Pelajar	AM3: Pelibatan Menerusi Kerjasama dan Interaksi Penggunaan platform Nearpod dan SLS membantu para pelajar berkolaborasi secara aktif dan kritikal. Daripada penelitian respons-rspons rakan yang lain, para pelajar dapat mempelajari dan menambah nilai pada idea mereka.
	AP16: Menggunakan Fleksibiliti	AM2: Memberikan tahap perancah yang diperlukan Soalan yang diajukan bermula dengan tahap yang mudah untuk menerapkan kemahiran asas bagi semua pelajar. Soalan-soalan seterusnya diberikan secara berperingkat mengikut profil dan tahap kebolehan setiap pelajar.
	AP19: Memudah Cara Pembelajaran Kolaboratif	AM5: Mencari Informasi Aktiviti Mencari Informasi dipilih bagi menggalakkan pelajar untuk menggunakan kemahiran inferens yang telah dipelajari dan berfikir secara kritikal berdasarkan artikel-artikel yang diberikan. Soalan perancah disediakan untuk membantu pelajar mencari informasi yang relevan.

Penilaian dan Maklum Balas	AP22: Memantau Pemahaman dan Memberi Maklum Balas	AM1: Maklum Balas dalam Bentuk Komen Sahaja Hasil kerja para pelajar sering diikuti maklum balas guru sama ada dalam bentuk penulisan atau secara lisan. Berdasarkan maklum balas ini, para pelajar dapat mengenal pasti bahagian yang perlu diperbaiki untuk memastikan tugasan yang lebih baik.
Penerangan dan Justifikasi	Aspek pengajaran dan aktiviti mengajar yang dipilih disesuaikan dengan kajian ini. Aspek pengajaran ini digunakan untuk melibatkan para pelajar secara aktif dalam proses berfikir secara kritikal. Oleh sebab topik yang diberikan merupakan sesuatu isu semasa yang relevan dan dekat dengan dunia remaja, aktiviti mengajar yang dipilih diharapkan dapat membantu para pelajar untuk menganalisis dan memahami maklumat secara mendalam dan kritikal.	

**Rajah 1: Peta Reka Bentuk berdasarkan Pengalaman Pembelajaran berbentuk Perbincangan**



## Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada pelajar-pelajar Menengah 3 Ekspres dan 3 Normal Akademik yang mempelajari subjek Bahasa Melayu aliran Ekspres dan Normal Akademik. Jumlah keseluruhan pelajar yang terlibat ialah 26 orang yang mempunyai tahap keupayaan yang pelbagai, latar belakang dan gaya pembelajaran yang berbeza. Enam daripada mereka merupakan pelajar bukan

Melayu manakala yang lain pula lebih selesa berbahasa Inggeris dan tidak yakin menggunakan bahasa Melayu dalam penulisan dan pertuturan mereka.

## Instrumen Kajian


Instrumen kajian terdiri daripada bahan hasil perkongsian idea di platform Nearpod dan SLS, pemantauan guru dan templat maklum balas. Platform Nearpod digunakan sebagai instrumen kajian kerana Nearpod menyediakan ruang untuk pelajar berkongsi respons melalui pelbagai cara seperti aplikasi tambahan Padlet, kuiz dan jenis soalan yang kreatif. Platform SLS pula menyediakan reka bentuk pelajaran yang merangkumi aspek pemerolehan sebagai jenis pengalaman pembelajaran (*Learning Experience: Acquisition*) yang membolehkan pelajar mempelajari maklumat untuk memahami ciri kritikal sesuatu kandungan atau topik.

Bagi membantu para pelajar dalam proses pembelajaran ini, rangka rutin berfikir Menjadikan Pemikiran Jelas (MTV) yang telah tersedia dalam platform SLS dan perancah-perancah khusus dalam bentuk Pengajaran Pembezaan digunakan sebagai panduan bagi para pelajar mengasah kemahiran inferens dan analisis. Dengan ini, pelajar akan lebih terdorong dan yakin untuk mencungkil informasi yang penting dan relevan bagi menjawab soalan-soalan pemahaman.

## Prosedur Kajian

Kajian ini telah dijalankan selama seminggu dalam masa kurikulum yang melibatkan pelaksanaan selama tiga sesi. Setiap sesi mengambil masa selama satu atau satu setengah jam. Pengajaran yang dijalankan dalam pelbagai bentuk dan secara berstruktur dititikberatkan untuk mendedahkan dan membiasakan para pelajar pada penggunaan e-Pedagogi. Struktur dalam pengajaran penting untuk memberikan ruang kepada para pelajar memanfaatkan kaedah ini secara berkesan.

Berdasarkan pedagogi *Self-Regulation of Learning (SRL)* yang dikemukakan oleh Zimmerman (2002), apabila pelajar dapat mencari kaitan yang bermakna terhadap sesuatu tugas, pelajar akan terdorong untuk melibatkan diri dan lebih bermotivasi untuk melakukan tugas tersebut. Apabila pelajar berasa yakin dengan kecekapan mereka untuk melakukan tugas yang berkenaan, mereka berasa lebih bersedia untuk berusaha



walaupun tugas yang diberikan mencabar. Oleh itu, pembelajaran secara sendiri atau pengawalan diri dalam pembelajaran ini perlu dilaksanakan secara berperingkat. Perancah proses pembelajaran ini disediakan untuk membolehkan pelajar meraih kejayaan.

### **1. Fasa Mengaktifkan Pembelajaran**

Pada sesi pertama, pelajar dikehendaki untuk menjawab soalan berdasarkan rutin berfikir KWL, iaitu Tahu, Mahu Tahu dan Telah Pelajari yang disediakan di platform Nearpod berdasarkan topik ‘Pempengaruh’. Pelajar mengisi 1 perkara yang mereka tahu tentang pempengaruh, 2 perkara yang mereka mahu tahu dan pada akhir pengajaran, 3 perkara yang mereka telah pelajari tentang pempengaruh. Dengan penggunaan rutin berfikir ini, pelajar lebih fokus sepanjang sesi PdP.

Kemudian, pelajar menonton klip video tentang pempengaruh di platform Nearpod. Soalan-soalan refleksi diselitkan pada bahagian-bahagian tertentu dalam video untuk menggalakkan pelajar merenung kembali dan berfikir secara kritikal terhadap maklumat yang disampaikan dalam klip video. Respons-respons pelajar dikongsi kepada kelas dan maklum balas diberikan oleh rakan sebaya dan guru sebagai perbincangan tambahan.

### **2. Fasa Menggalakkan Pemikiran dan Pembelajaran**

Pada sesi kedua, guru memulakan pengajaran dengan kuiz yang tersedia dalam platform Nearpod untuk mendapatkan pelajar menyingkap kembali pengajaran sebelumnya.

Kemudian, guru mengajar kemahiran pemahaman, khususnya kemahiran inferens dan analisis. Pelajar dibekalkan dengan teknik-teknik untuk mengenal pasti sifat dan perwatakan dan juga bukti-bukti sebagai penyokong.

Guru memberikan sebuah artikel tentang seorang pempengaruh tempatan. Secara berpasangan, para pelajar membaca, memahami dan mencari informasi dan bukti daripada artikel berkenaan tentang sifat-sifat positif pempengaruh tersebut. Respons pelajar dimuatnaikkan dalam platform Nearpod. Guru memantau perbincangan para pelajar secara langsung dan memberikan maklum balas secara lisan setelah aktiviti tersebut selesai.



### 3. Fasa Memudahcara Demonstrasi Pembelajaran

Untuk fasa ini, pembelajaran dilakukan di rumah dan menggunakan kaedah Pengajaran Pembezaan melalui platform SLS. Pengajaran dibezakan melalui proses dan berdasarkan tahap kesediaan pelajar.

Secara individu, pelajar diberikan dua artikel yang baharu tentang mempengaruhi tempatan. Dengan menggunakan kemahiran pemahaman yang dipelajari pada sesi sebelumnya, pelajar dikehendaki menjawab soalan-soalan yang disediakan. Guru telah menyediakan soalan-soalan perancah yang berbeza untuk setiap tahap kesediaan pelajar. Ini untuk membantu dan mencabar pelajar dalam tahap keselesaan mereka. Bagi setiap tahap, darjah kepayahan soalan disesuaikan dengan kebolehan pelajar.

### 4. Fasa Memantau dan Memberi Maklum Balas


Guru memantau perkembangan pembelajaran pelajar dan memberikan maklum balas secara langsung dalam platform Nearpod dan SLS sepanjang ketiga-tiga fasa tersebut.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan pemerhatian guru semasa pengajaran dijalankan, para pelajar telah menunjukkan minat dan sikap yang positif semasa melakukan tugas. Para pelajar melibatkan diri secara aktif dalam setiap tahap atau proses yang dijalankan. Para pelajar dapat mengakses tugas pembelajaran yang berbeza mengikut kadar dan masa mereka sendiri berdasarkan kesediaan, minat dan profil pembelajaran mereka. Pelajar lebih yakin dalam melaksanakan tugas mereka sendiri mengikut tahap keupayaan mereka. Sekiranya mereka sudah bersedia, mereka juga turut diberikan peluang untuk mencuba tahap soalan yang lebih sukar secara rela.

Daripada hasil tugas pelajar berdasarkan rutin berfikir yang telah digunakan, didapati bahawa respons pelajar memaparkan pemikiran yang lebih analitikal dan matang mengenai topik berkenaan. Pelajar juga berjaya memberikan respons dengan menggunakan kosa kata yang pelbagai dan sesuai dengan konteks. Jadual 3 ialah contoh hasil respons para pelajar berdasarkan rutin berfikir KWL.

Gambar 1: Contoh Rutin Berfikir



Hasil respons pelajar menunjukkan bahawa percubaan soalan secara bertahap untuk mengaplikasikan kemahiran yang dipelajari disertakan dengan panduan guru, sama ada di dalam kelas atau dalam talian melalui perancah atau klu, mampu membantu pelajar meningkatkan mutu hasil jawapan mereka. Pelajar juga menunjukkan semangat dan keyakinan untuk menjawab soalan-soalan yang diberikan. Contoh respons pelajar seperti dalam Jadual 2 dan 3.

Jadual 2: Contoh Respons Pelajar

Soalan 1	Diah Mastura merupakan seorang yang jujur. Berikan bukti yang sesuai. [3m]
Pelajar 1	Dia seorang yang jujur kerana dia menulis blognya dengan sepenuh hatinya.
Pelajar 2	Diah Mastura ialah seorang yang jujur kerana dia mencuba setiap produk yang diberikan kepadanya dan hanya akan membuat reviu bagi produk itu jika beliau sukanya atau melihat potensi dalam produk itu.
Soalan 2	Diah Mastura mempunyai sifat-sifat yang positif sebagai seorang pempengaruh. Berikan bukti-bukti untuk menyokong pernyataan ini. [5m]
Pelajar 1	Diah adalah seorang yang beramanah. Buktinya adalah dia ingin menjalankan tugas itu dengan baik daripada sekadar dikenali sebagai pempengaruh yang mendapat bayaran tanpa mencuba produk yang diberikan.
Pelajar 2	Pertama, Diah Mastura seorang pempengaruh yang bertanggungjawab. Buktinya adalah dia mempertingkatkan kesedaran ramai tentang kepentingan amanah dan integriti yang dijangkakan dalam diri seseorang pempengaruh. Kedua, Diah Mastura juga seorang pempengaruh yang tidak berputus asa. Walaupun ramai ragu-ragu tentang kegiatan Diah yang dianggap sebagai membazir masa dan tidak mendatangkan hasil, dia tetap cuba untuk memberi pandangan peribadi baik beliau mengenai produk-produk.

**Jadual 3: Contoh Respons Pelajar berdasarkan Pengajaran Pembezaan**

		Pengajaran Pembezaan
<b>Soalan 1</b> (Untuk semua pelajar)	<b>Yuslina Yusoff merupakan seorang pengengaruh yang jujur. Berikan bukti untuk menyokong pernyataan ini. [3m]</b>	<b>Klu untuk pelajar praaras kebolehan:</b> Jujur bermaksud ikhlas atau dalam bahasa Inggeris <i>honest/trustworthy</i> . Sila rujuk perenggan 2-3 untuk mendapatkan bukti
Pelajar 1	Yuslina seorang pengengaruh yang jujur kerana dia hanya bekerjasama dengan jenama yang seiring prinsipnya demi tidak menjadi seorang yang hipokrit dan melakukan sesuatu hanya untuk keuntungannya.	
Pelajar 2	Yuslina Yusoff hanya bekerjasama dengan pelbagai jenama yang selaras dengan personaliti, gaya hidup dan apa yang dia percaya.	
<b>Soalan 2</b> (Untuk semua pelajar)	<b>Yuslina Yusoff mempunyai sifat-sifat yang positif sebagai seorang pengengaruh. Berikan bukti-bukti untuk menyokong pernyataan ini. [5m]</b>	<b>Klu untuk pelajar praaras kebolehan:</b> Sifat-sifat positif yang ada dalam diri Yuslina adalah seperti komited dan bertanggungjawab. Fikirkan bukti-bukti (sikapnya) bagi sifat-sifat seperti ini. Gunakan penanda wacana pertama, kedua dalam jawapan kamu. <b>Klu untuk pelajar pada aras kebolehan:</b> Salah satu sifat positif yang dinyatakan ialah bertanggungjawab. Nyatakan bukti bagi sifat positif ini. Kemudian, berikan sifat yang kedua dan buktinya.
Pelajar 1	Walaupun Yuslina Yusoff menerima komen-komen yang negatif terhadap dirinya, dia tetap mengikut prinsip utamanya, iaitu untuk sentiasa kekal sebagai diri sendiri tidak kira apa jua situasi. Dia juga terdorong untuk terus menjadi seorang pengengaruh apabila dia sedar bahawa pengikutnya menghargai kandungannya. Ini juga membuat pengikutnya untuk meletakkan kepercayaan mereka kepada Yuslina.	
Pelajar 2	Yuslina Yusoff mempunyai sifat yang suka mencuba sesuatu yang baharu. Buktinya ialah dia memasarkan produk <b>ba</b> haru sebelum mempromosikannya. Yuslina Yusoff juga mempunyai sifat yang kekal sebagai diri sendiri. Buktinya ialah dia tidak menghiraukan komen buruk yang diberikan orang lain melalui ruang Instagramnya.	

Soalan 3 (Hanya untuk pelajar melebihi aras kebolehan)	Pempengaruh boleh dianggap sebagai teladan bagi generasi muda. Sokong pernyataan ini dengan memberikan beberapa bukti. [5m]	<i>Klu:</i> Fikirkan apakah pempengaruh itu lakukan sehingga boleh dianggap sebagai teladan kepada generasi muda.
Pelajar 1	Pempengaruh boleh dianggap sebagai teladan bagi generasi muda kerana mereka memberi nasihat-nasihat yang positif kepada pengikut mereka. Mereka memberi nasihat seperti untuk tekak sebagai diri sendiri tidak kira dalam apa jua situasi. Pempengaruh juga ada sikap terbuka kepada peluang yang tersedia dan sentiasa kelilingi diri mereka dengan orang-orang yang baik. Mereka sentiasa bersemangat menimba ilmu pengetahuan dan juga sokong wanita lain. Pempengaruh juga seseorang yang jujur kerana dia memahami konsep jenama produk yang akan dipasarkan dan bukan sahaja menunjukkan yang mereka suka terhadap satu-satu produk.	
Pelajar 2	Yuslina Yusoff menggalakkan generasi muda untuk menjadi seorang yang feminis yang menyokong wanita-wanita lain dan menjadi seorang yang berdikari. Sebagai contoh, apabila dinyatakan komen-komen tidak baik, Yuslina memastikan dia kekalkan dirinya untuk menghiraukannya dan dia mahu menyampaikan nasihat tersebut kepada wanita-wanita lain. Yuslina Yusoff juga sangat jujur kerana dia hanya menerima dengan apa yang selaras dengan personaliti, gaya hidup dan kepercayaan supaya dia tidak perlu menukar personalitinya untuk menyesuaikan projek produk tersebut.	

Melalui maklum balas pelajar pada akhir pengajaran, hasil dapatan menunjukkan bahawa penggunaan Pengajaran Pembezaan berjaya membantu pelajar menyelesaikan tugas dengan berkesan. Pelajar juga menyatakan bahawa penggunaan e-Pedagogi melalui platform-platform yang berbeza efektif dalam mengekalkan minat mereka sepanjang pembelajaran. Maklum balas pelajar seperti dalam Jadual 6.

**Jadual 4: Dapatan Berdasarkan Maklum Balas Pelajar**

No.	Perkara	Sangat Setuju	Setuju
1	Saya dapat mempelajari kosa kata yang baharu.	42.3%	57.7%
2	Saya dapat menulis idea dengan jelas dengan memberikan contoh atau bukti yang sesuai.	15.4%	84.6%
3	Tugasan bertahap membantu saya melakukan berdasarkan keupayaan saya.	69.2%	30.8%
4	Penggunaan ICT yang pelbagai dapat menarik minat saya belajar bahasa Melayu.	76.9%	23.1%
5	Tugasan yang diberikan menarik.	11.5%	80.8%



Soalan 1		Penggunaan ICT dalam pelajaran membuat saya:
Pelajar 1	Lebih fokus apabila guru mengajar. Dengan adanya PLD, lebih mudah untuk melakukan tugas di Nearpod atau SLS. Pelajaran juga lebih menarik dan lebih menyeronokkan.	
Pelajar 2	Lebih selesa untuk berkongsi pendapat saya kerana saya lebih selesa menaip komen dan berkongsi idea saya dalam talian daripada berbual di dalam kelas. Bukan itu sahaja, saya juga dapat membaca lebih banyak isi yang ditaip oleh kawan-kawan saya yang lain. Pengajaran ICT juga sungguh seronok!	
Soalan 2		Tugasan yang diberikan:
Pelajar 1	Sesuai dan lebih mudah untuk saya dengan adanya klu-klu yang diberikan. Oleh sebab saya agak lemah dalam bahasa Melayu, klu dan bantuan yang diberikan di SLS memberikan saya peluang untuk cuba sendiri dan belajar mengikut masa saya sendiri. Walaupun topik susah untuk saya faham pada mulanya, tetapi saya rasa seronok belajar sesuatu yang baharu.	
Pelajar 2	Agak susah kerana topik tentang mempengaruhi sesuatu yang baharu untuk saya tetapi saya bangga kerana masih dapat mengikuti tugas yang diberi. Penggunaan video, perbincangan secara berpasangan dan klu yang diberikan memudahkan saya mengikutinya.	


## CADANGAN


Semasa proses kajian ini dijalankan, terdapat pelbagai cabaran yang dihadapi guru. Selain daripada kesuntukan masa untuk menjalankan pelajaran secara menyeluruh dan mendalam, guru juga berhadapan dengan kebolehan para pelajar yang pelbagai. Lantas, para guru perlu memastikan adanya pemerincian dalam bahan pengajaran yang telah disediakan terlebih dahulu dengan bantuan dan sokongan daripada guru-guru lain.

Dengan adanya peranti pembelajaran (PLD), guru juga boleh menggunakan peluang ini untuk melanjutkan dan meluaskan pembelajaran di luar kurikulum. Ini untuk menggalakkan para pelajar mempunyai tanggungjawab atas pembelajaran sendiri. Ini juga bermaksud bahawa para guru perlu meningkatkan atau mengembangkan kemahiran dan kecekapan mereka sendiri untuk memaksimumkan penggunaan platform ICT yang pelbagai.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhan, kajian ini telah menunjukkan bahawa penerapan e-Pedagogi dalam Pengajaran Pembezaan dapat menggalakkan para pelajar untuk mencuba sendiri berdasarkan tahap kebolehan dan kesediaan masing-masing. Walaupun topik yang dipilih agak mencabar, ini disengajakan oleh





para guru untuk menunjukkan bahawa dengan menggunakan pengajaran pembelajaran yang sesuai dan kaedah pengajaran yang relevan, pelajar masih mampu mengikuti pelajaran secara aktif.

Dalam melaksanakan Pengajaran Pembezaan, para pengkaji berharap guru akan terus gigih dalam melakarkan PdP yang bersesuaian dengan tahap kebolehan pelajar dan sekaligus dapat mencabar pelajar agar dapat menambah nilai dalam pembelajaran mereka. Walaupun untuk merancang, memilih bahan PdP dan memilih strategi yang sesuai memakan masa, diharapkan dengan usaha yang berterusan dapat memanfaatkan para pelajar dalam jangka masa yang panjang.

## RUJUKAN

Kostaris, C., Sergis, S., Sampson, D. G., Giannakos, M. N., & Pelliccione, L. (2017). Investigating the Potential of the Flipped Classroom Model in K-12 ICT Teaching and Learning: An Action Research Study. *Educational Technology & Society*, 20 (1), 261–273.

Tomlinson, C.A. (2003). Deciding to Teach Them All. *Educational Leadership* 61(2), 6-11. Tomlinson, C. A., Brighton, C., Hertberg, H., Callahan, C. M., Moon, T. R., Brimijoin, K., Conover, L. A., & Reynolds, T. (2003). Differentiating Instruction in Response to Student Readiness, Interest, and Learning Profile in Academically Diverse Classrooms: A Review of Literature. *Journal for the Education of the Gifted*, 27(2–3), 119–145.

Tomlinson, C. A., & Moon, T. R. (2013). Assessment and student success in a differentiated classroom. ASCD.

Tomlinson, C. A. (2014). *The Differentiated Classroom: Responding to the Needs of All Learners* (2nd ed.). ASCD.

Zimmerman, B.J. (2002). Becoming a self-regulated learner: An overview. *Theory Into Practice*, 41 (2), 64-70.